

LATARBELAKANG KAWASAN DAN MASYARAKAT KADAZAN/DUSUN DI RANAU


2.1. LOKASI KAWASAN


Daerah Ranau terletak di bahagian Residensi Pantai Barat Sabah. Daerah Ranau disempadani oleh Residensi Kudat di Utara, Residensi Sandakan di Pantai Timur dan Residensi Pedalaman. Oleh itu dapat dikatakan daerah Ranau terletak di tengah-tengah Negeri Sabah dimana daerah ini menjadi sempadan kepada Daerah Tamparuli, Tuaran, Kota Belud, Kota Marudu, Labuk dan Sugut, Kinabatangan, Tambunan dan Keningau (Lihat Peta 1 mukasurat 13.). Daerah ini juga menjadi laluan utama jalan perhubungan antara kawasan Pantai Barat dengan kawasan Pantai Timur dan Pedalaman. Ini dapat dilihat dimana jalan perhubungan dan pengangkutan darat daripada Pantai Timur seperti Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Semporna ke Kota Kinabalu akan melalui Daerah Ranau. Begitu juga apabila menuju ke kawasan Residensi Pedalaman dan Residensi Pantai Barat dan daripada Residensi Pantai Barat dan Pedalaman ke kawasan Pantai Timur. Oleh itu, kawasan Daerah Ranau merupakan satu-satunya jalan darat yang akan dilalui dan secara langsung menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat persinggahan yang utama bagi sebahagian besar kawasan di negeri Sabah (Lihat peta 2 mukasurat 14). Kewujudan sistem perhubungan ke kawasan ini telah membuka daerah Ranau kepada masyarakat luar yang mana pada suatu masa dahulu kawasan ini sukar dimasuki kerana halangan keadaan geografi.

Bentuk mukabumi Ranau bergunung-ganang dan berbukit-

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13
100 110 120 130 140 150
0 MM 30 20 30 40 50 60 70 80 90 100 110 120 130 140 150

PETA DAERAH RANAU: 1





Peta 2 : Peta Sabah Dari Segi Pengangkutan

bukau, lembah Ranau pula dikelilingi oleh bukit bukau yang memisahkannya daripada daerah-daerah lain. Kawasan ini juga terletak di kawasan yang paling tinggi di Negeri Sabah di mana terletak Gunung Kinabalu (4101 M) yang tertinggi di Asia Tenggara. Apabila dibandingkan dengan daerah lain, Keadaan geografi dan masyarakat Ranau mempunyai keunikan yang tersendiri sama ada dari segi bentuk mukabumi, sosial dan ekonomi. Menurut Robert Harrisson (1971:220) bahawa perbezaan struktur dan organisasi antara komuniti di Ranau dapat dibezaan melalui operasi terhadap perbezaan persekitaran dan potensi persekitaran untuk diteroka atau mempunyai potensi ekonomi serta beliau membahagikan dan membezakan masyarakat kepada beberapa bahagian mengikut aktiviti pertanian yang dijalankan, penggunaan ruang dan keadaan topografi. Justeru itu menurut beliau (1971:64) setiap komuniti yang mendiami sesuatu kawasan akan menyesuaikan diri kepada bentuk mukabumi ditempat tersebut. Keadaan ini dapat dilihat hingga sekarang di mana terdapat kegiatan pertanian padi sawah, padi bukit dan tanaman jualan pada masa yang sama namun begitu pada hari ini pergantungan mutlak terhadap faktor geografi semakin berkurangan dengan adanya pengetahuan teknologi moden untuk mengurangkan pergantungan kepada keadaan semulajadi.

Daerah Ranau dapat dihubungkan dengan Kota Kinabalu melalui jalan darat dan udara. Perjalanan daripada Kota Kinabalu ke Ranau yang sejauh lebih kurang 115km mengambil masa selama dua jam setengah bagi perjalanan darat. Dalam

perjalanan ke Ranau, pemandangan yang berbukit-bukau dapat dilihat dan keadaan semakin tinggi dapat dirasai. Bukan sahaja bentuk mukabumi yang semakin tinggi dapat dilihat tetapi perubahan cuaca sejuk semakin dirasai. Di beberapa kawasan di Daerah Ranau terutamanya kawasan berdekatan dengan kaki Gunung Kinabalu, suhu lebih rendah antara 18°C - 25°C . Perjalanan seterusnya menuju ke Pekan Kundasang yang terkenal dengan pengeluaran sayur-sayuran tanah tinggi yang terbesar di Negeri Sabah dan juga menjadi pusat pelancongan. Perjalanan daripada Pekan Kundasang ke Pekan Ranau adalah perjalanan menuruni lembah ke lembah Ranau yang lebih rendah. Lembah Ranau diairi oleh sungai utama iaitu sungai Liwago dimana kegiatan pertanian padi sawah giat dijalankan. Lembah Ranau pula dikelilingi oleh bukit-bukau yang giat ditanami dengan padi bukit.

Daerah Ranau mendapat nama sempena daripada kawasannya yang rata dan dapat diairi dengan air. Dalam bahasa tempatan Ranau atau **ranahan** bermaksud kawasan berlumpur dan paya gambut yang terdapat di sekitar lembah Ranau. Memandangkan kawasan rata yang sesuai dengan penanaman padi sawah adalah terhad di daerah Ranau dan kawasan ini juga menjadi pusat pertemuan antara penduduk maka setiap penduduk yang mengunjungi lembah Ranau lama-kelamaan terbiasa dengan nama Ranau sehingga sekarang.

2.2 POLITIK

Pekan Ranau merupakan pusat pentadbiran bagi kawasan


Ranau dan kawasan Kundasang. Sebagai pusat pentadbiran, disini terletak pejabat-pejabat kerajaan iaitu pejabat Majlis Daerah, Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Parit dan Taliair, Pejabat Telekom, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Penerangan, Hospital dan pejabat-pejabat parti politik. Selain daripada itu, terdapat sebuah sekolah menengah kebangsaan bertaraf A disamping tiga buah sekolah menengah biasa dan sebuah sekolah menengah agama berasrama penuh. Untuk kemudahan perjumpaan rakyat, terdapat sebuah Dewan Masyarakat. Selain daripada pejabat-pejabat kerajaan terdapat juga kegiatan sektor swasta yang semakin berkembang di daerah ini dimana antaranya terdapat dua buah sekolah swasta dan pejabat-pejabat swasta yang lain seperti institusi-institusi kewangan, perkhidmatan dan sebagainya. Disamping itu terdapat agensi-agensi separa kerajaan seperti pejabat Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA), pejabat Fama dan pejabat agama.

Kawasan daerah Ranau dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Ranau dan bahagian Kundasang dimana pekan Kundasang merupakan pekan satelit kepada pekan Ranau. Di Pekan Kundasang terdapat sebuah dewan masyarakat walaupun pusat pentadbiran terletak di pekan Ranau. Pekan Kundasang semakin berkembang seiring dengan kemajuan sektor pelancongan di mana terdapat tiga buah hotel mewah. Disamping kemajuan pelancongan, kegiatan pertanian sayuran tanah tinggi memberi sumbangan kepada kemajuan kawasan

tersebut.

Pembahagian kawasan kepada dua bahagian berdasarkan kepada pembahagian kawasan pilihanraya dewan undangan negeri (DUN) iaitu Ranau diletakkan dalam kawasan N14 dan kawasan Kundasang dalam kawasan N13. Kedua-dua kawasan tersebut pula dibahagikan kepada beberapa bahagian yang menjadi pusat untuk mewakili beberapa kampung iaitu kawasan Ranau dibahagikan kepada Ranau Bandar, Keranaan, Tegudon, Nalapak, Randagong, Paus dan Peginatan manakala kawasan Kundasang meliputi kawasan Bundu Tuhan, Lohan, Kilimu, Bongkud, Timbua dan Ulu Sugut. Bahagian-bahagian ini terbahagi pula kepada beberapa buah kampung dan kampung seterusnya terbahagi kepada hamlet³. Pemecahan bahagian tersebut berdasarkan kepada pembahagian kawasan pentadbiran (lihat peta 1 dihalaman 13).

Organisasi pentadbiran Daerah Ranau dibahagikan kepada beberapa hireraki yang saling bergantungan antara satu sama lain. Organisasi pentadbiran daerah Ranau dapat dilihat dalam gambarajah (1) di bawah,



³ Hamlet ialah kawasan perumahan secara berkelompok iaitu kelompok-kelompok yang wujud didalam sebuah kampung. Dalam perkataan tempatan ia lebih dikenali sebagai 'Kawalaian'.

Selain daripada organisasi pentadbiran di atas, Pentadbiran daerah Ranau juga dibantu oleh organisasi parti politik yang memerintah iaitu yang paling atas sekali ialah wakil rakyat, pemimpin kemajuan rakyat, pegawai mukim dan JKKK. Organisasi dalam gambarajah I di atas lebih kekal manakala organisasi yang bersifat parti politik adalah bergantung kepada kuatkuasa parti politik. Namun begitu kedua-dua organisasi tersebut adalah saling bergantungan antara satu sama lain dalam hal ehwal pentadbiran Daerah Ranau.

2.3 EKONOMI DAN SOSIAL

Sebahagian besar penduduk Ranau terlibat dalam sektor pertanian. Sebelum kawasan lembah Ranau diterokai, penduduk Ranau lebih tertumpu di kawasan bukit dengan menjalankan kegiatan penanaman padi bukit. Pada sekitar tahun 1920an kawasan lembah Ranau secara beransur-ansur mula diterokai oleh penduduk yang berasal daripada kawasan bukit tersebut dan mula menjalankan penanaman padi sawah disamping menjalankan penanaman padi bukit secara serentak atau berselang-seli. Menurut sejarah Ranau, sebelum tahun 1920an hanya terdapat sebuah kampung iaitu Kampung Sinarut yang terdapat di kawasan lembah Ranau pada masa itu. Pada masa tersebut hanya penduduk Kampung Sinarut yang menjalankan penanaman padi sawah di kawasan lembah tersebut.

Kawasan ini adalah bekas peninggalan dalam zaman pemberontakan Mat Salleh pada sekitar 1890-1900. Pembinaan pusat pentadbiran oleh Chartered Company pada sekitar 1920an di kawasan lembah Ranau telah menarik lebih ramai penduduk daripada kawasan bukit membuka kawasan lembah Ranau. Pada masa tersebut beberapa orang Cina telah datang ke kawasan ini dan membuka beberapa buah kedai. Kedatangan orang Cina tersebut telah mengubah pasaran penduduk Ranau yang mana sebelum ini mereka terpaksa berjalan jauh ke Kota Belud untuk memasarkan keluaran mereka di Tamu⁴ yang terdapat di Kota Belud. Secara beransur-ansur pekan Ranau menjadi tumpuan penduduk Ranau dengan kewujudan tamu di kawasan ini. Corak pasaran pada masa itu masih menggunakan cara barter disamping penggunaan mata wang. Barang jualan penduduk Ranau ialah beras, tembakau, hasil kraftangan dan hasil hutan yang ditukarkan dengan keperluan asas seperti pakaian, garam dan lain-lain lagi daripada peniaga Cina.

Corak ekonomi Ranau tidak berubah sehingga pada tahun 1960an. Namun selepas itu beberapa tanaman baru telah diperkenalkan seperti sayur-sayuran tanah tinggi selepas getah dan kopi diperkenalkan pada akhir 1940an. Kemerosotan harga getah dan kurangnya sambutan petani di Ranau terhadap tanaman ini telah menjadikan penanaman sayur-sayuran tanah tinggi terutamanya di kawasan Kundasang semakin pesat dan sehingga hari ini hampir semua kawasan Kundasang telah ditanami dengan sayur-sayuran tanah tinggi yang pada masa

⁴ -----
Tamu adalah kawasan pasar iaitu tempat perjumpaan antara pembeli dan penjual.

dahulu ditanami dengan padi bukit, tembakau dan kopi. Kemajuan penamanan sayuran tanah tinggi menghasilkan satu masyarakat baru yang lebih bergantung dan memerlukan tanaman jualan daripada tanaman sara diri. Keadaan juga berubah di kawasan Lembah Ranau di mana pada masa dahulu ia ditanami dengan padi sawah tetapi sejak akhir-akhir ini sebahagian kawasan padi telah digantikan dengan tanaman jualan seperti sayur-sayuran, markisa, padang ternak dan kolam ikan air tawar. Perkembangan ini membolehkan pasar tani diadakan dua kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Ahad di kawasan Pekan Ranau.

Pada tahap tahun 1980an beberapa tanaman telah diperkenalkan seperti koko dan teh. Tanaman ini telah mendapat sambutan penduduk terutamanya tanaman koko yang ditanam di kawasan pedalaman Ranau seperti kawasan Nalapak, Paginatan dan beberapa kawasan lain secara kecil-kecilan. Penanaman teh lebih giat dijalankan di kawasan Nalapak di mana keluaran tehnya yang terkenal dengan jenama 'Sabah Tea'. Selain daripada tanaman tersebut terdapat juga kegiatan penanaman cendawan yang semakin pesat sejak akhir-akhir ini. Walaupun penduduk Ranau telah terdedah kepada tanaman baru tetapi sebilangan besar petani di daerah Ranau masih mengamalkan penanaman padi bukit dan padi sawah sama ada secara sampingan atau sebaliknya. Sebilangan penduduk masih mengamalkan penanaman padi bukit untuk mengelakkan kawasan tanah terbiar dan mengelakkan daripada dirampas oleh pihak lain terutamanya tanah yang tidak mempunyai geran

tanah.

Kemajuan sistem pelajaran disamping kewujudan sektor kerajaan dan swasta telah membolehkan sebahagian besar penduduk Ranau bekerja dalam sektor tersebut. Pembukaan lombong tembaga mamut (MCM) pada tahun 1968 memberi lebih seribu peluang pekerjaan kepada penduduk Ranau. Pembukaan lombong tersebut menghasilkan kesan positif terhadap ekonomi Ranau pada keseluruhannya iaitu wujud kumpulan masyarakat yang tidak lagi bergantung kepada pertanian. Selain daripada itu terdapat beberapa kilang didirikan di kawasan Ranau seperti kilang memproses kayu balak atau kilang papan, kilang rotan dan sebagainya yang bergantung kepada bahan mentah tempatan. Pendek kata industri perkilangan sama ada secara kecil-kecilan atau besar-besaran semakin pesat berkembang di daerah Ranau. Kemajuan sektor pelancongan terutamanya di kawasan Taman Negara Kinabalu dan Poring telah mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kepada penduduk Ranau.

2.4 SOSIAL

Sebelum Daerah Ranau terbuka kepada pengaruh luar keseluruhan penduduk yang mendiami kawasan ini terdiri daripada suku kaum Kadazan/Dusun. Dalam banci 1970, penduduk Ranau terdiri daripada berbagai kumpulan komuniti iaitu komuniti terbesar ialah Kadazan/Dusun, Murut, Bajau dan Melayu yang dikategorikan sebagai penduduk Bumiputera dan lain-lain Bumiputera seperti Sulu, orang Sungai, Brunei,

Kadayan dan Sino tempatan. Diikuti oleh penduduk berketurunan China seperti Hakka, Cantonese dan lain-lain lagi seterusnya berketurunan Indonesia dan lain-lain (lihat Jadual 1). Pembahagian ini telah berubah dalam banci 1980 di mana kumpulan etnik dibahagikan kepada kumpulan etnik Pribumi, China India dan lain-lain (lihat Jadual 2).

Jadual I : Penduduk Meliputi Kumpulan Komuniti dan Jantina di Daerah Ranau

	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Kadazan	21,905	11,007	10,898
Murut	12	5	7
Bajau	60	43	17
Melayu	38	22	16
Other Indigenous:	308	164	144
Sulu	1	1	-
Orang Sungai	82	45	37
Brunei	17	8	9
Kadayan	1	1	-
Sino	205	107	98
Lain-lain:	2	2	2
China:	230	143	87
Hakka	90	57	33
Kantonis	10	8	2
Hokkien	96	60	36
Teochew	3	-	3
Hainanese	16	10	6
Lain-lain:	15	8	7
Indonesia	26	20	7
Lain-lain:	95	81	14
Sarawak	31	30	1
Filipina	3	3	-
Eropah	15	11	4
India	21	15	6
Cocos	6	4	2
Lain-lain	19	18	1

Sumber: Jabatan Perangkaian Malaysia (1970) (hal. 65-66).

Jadual 2 : Banci Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Dan Jantina Daerah Ranau 1980

	Jum. Keseluruhan	Lelaki	Perempuan	Jantina
Pribumi	27,307	13,934	13,373	
China	624	361	263	
India	14	11	3	
Lain-lain	102	63	39	
Jum. Penduduk Ranau	28,047	14,369	13,678	

Sumber: Department of statistic Malaysia 1983.

Pada keseluruhannya, penempatan penduduk Ranau tidak dibezakan mengikut kumpulan komuniti yang tertentu. Namun begitu komuniti Kadazan/Dusun lebih banyak mendiami kawasan luar pekan manakala penduduk Sino⁵ dan China lebih tertumpu di kawasan pekan sebagai peniaga. Komuniti Bajau pula mendiami kawasan sekitar pekan sebagai peniaga pasar manakala komuniti Melayu lebih tertumpu disekitar kawasan sekolah yang mana kebanyakannya bekerja sebagai guru. Kumpulan komuniti yang selebihnya seperti Murut, Brunei, Indonesia, Sarawak, Sulu, Filipina dan Kadayan kebanyakannya telah bercampur-aduk dengan penduduk tempatan (penduduk asal) melalui perkahwinan antara mereka. Oleh itu penempatan

5 Sino ialah kumpulan komuniti yang terhasil daripada perkahwinan campur antara orang Cina dan penduduk tempatan seperti komuniti Kadazan/Dusun atau lain-lain penduduk tempatan.

mereka terdapat di serata daerah Ranau dan hanya sebilangan kecil daripada mereka masih mengamalkan cara hidup seperti di tempat asal mereka terutamanya kepada yang baru datang ke kawasan ini untuk bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Orang Sungai pula tinggal di kawasan pedalaman Ranau iaitu di sempadan antara daerah Ranau dengan Daerah Labuk dan Sugut. Kumpulan komuniti India dan Cocos lebih tertumpu di kawasan ladang-ladang di sekitar daerah Ranau yang biasanya tidak akan menetap di satu-satu tempat, dan begitu juga dengan kumpulan komuniti eropah yang akan kembali ke tempat asal mereka walaupun sebahagian daripada mereka telah berkahwin dengan penduduk tempatan.

Perbezaan tempat kediaman tersebut adalah tidak mutlak kerana contohnya di sekitar pekan Ranau komuniti Kadazan/Dusun lebih ramai daripada Sino dan Cina. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian besar penduduk Ranau terdiri daripada kumpulan komuniti Kadazan/Dusun. Secara realiti hubungan antara beberapa kumpulan komuniti tersebut adalah erat. Perkahwinan dengan penduduk tempatan dan faktor saling memerlukan antara satu sama lain tidak memungkinkan konflik yang serius antara kumpulan komuniti tersebut, walaupun terdapat konflik antara mereka kadangkala yang ditimbulkan oleh orang luar tetapi biasanya dapat diselesaikan dan sehingga kini belum terdapat kes serius yang boleh menimbulkan keadaan tidak tenteram dan aman dalam masyarakat daerah Ranau. Percampuran dengan penduduk tempatan menyukarkan dalam membezakan identiti mereka terutamanya

bagi orang luar, namun begitu pada umumnya kumpulan komuniti Kadazan/Dusun, Sino dan Cina mempunyai bentuk fizikal misalnya warna kulit lebih cerah daripada kumpulan komuniti lain. Apabila diteliti secara terperinci terdapat identiti tersendiri diantara kumpulan komuniti tersebut terutamanya bahasa dan dialek yang mereka tuturkan misalnya komuniti Kadazan/Dusun mempunyai gaya pertuturan yang tersendiri berbanding dengan komuniti Sino dan begitu juga antara Sino dengan Cina semasa bertutur dalam bahasa Melayu (Identiti komuniti Kadazan/Dusun akan dibincangkan dalam bab 3).

Selepas 1980an, kemasukan pendatang Filipina dan Indonesia semakin ketara dan mereka tertumpu di kawasan pembinaan dan ladang-ladang, tetapi pada masa kini kumpulan etnik tersebut telah beransur-ansur menjalankan kegiatan seperti yang dilakukan oleh penduduk tempatan seperti menanam sayur-sayuran, bersawah padi dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, semakin ramai perkahwinan antara penduduk tempatan dengan pendatang tersebut terutamanya di kawasan pendalamian Ranau seperti di kawasan kem-kem kayu balak dan ladang-ladang. Fenomena tersebut menimbulkan masalah terutamanya masalah identiti dan kewarganegaraan kepada pihak-pihak yang terlibat. Bagi penduduk tempatan kehadiran mereka menimbulkan konflik dari segi perkauman dan identiti yang kadangkala menimbulkan pergeseran yang serius.

2.5 KEPERCAYAAN

Penduduk daerah Ranau menganut tiga agama besar iaitu

agama Islam, Kristian dan Buddha/agama Cina⁶. Namun begitu pada masa dahulu kesemua penduduk asal Ranau menganut Kepercayaan Tradisional dan sehingga kini masih ramai yang berpegang kepada Kepercayaan Tradisional. Kedatangan agama Islam dan Kristian pada umumnya bermula pada zaman selepas perang Jepun dalam tahun 1945. Kemasukan agama tersebut ke daerah Ranau telah mengubah corak kehidupan masyarakat Ranau dan kepercayaan tradisional mereka. Pertembungan antara agama baru dengan kepercayaan tradisional telah memberi implikasi kepada masyarakat Ranau (Agama Tradisional akan dibincangkan dalam Bab 4).

Perkembangan agama Islam, Kristian dan Buddha/agama Cina di daerah Ranau dapat dilihat dimana beberapa buah bangunan tempat sembahyang didirikan disekitar pekan Ranau. Dikawasan pekan Ranau terdapat sebuah Masjid, sebuah tokong Cina dan lima buah gereja iaitu gereja Kristian~ Roman Katolik (R.C), gereja Sidang Injil Borneo (SIB), gereja Basel Malaysia dan gereja Jesus Yang Benar dan gereja Seventh Day Adventist (SDA). Manakala di kawasan Kundasang pula terdapat sebuah masjid dan sebuah gereja R.C yang terletak di Bundu Tuhan. Pada setiap kampung terdapat surau dan gereja yang bergantung kepada bilangan penganut agama tersebut iaitu kampung yang mempunyai ramai penganut Kristian sekurang-kurangnya mempunyai sebuah gereja atau

6-----

Agama Buddha atau agama Cina juga dianuti oleh etnik Kadazan/Dusun apabila salah seorang daripada anggota keluarga berkahwin dengan orang Cina dan Sino, seterusnya anggota keluarga yang lain juga turut mengikuti agama ahli keluarga yang berkahwin tersebut.

lebih bergantung kepada aliran masing-masing dan surau bagi kampung yang mempunyai ramai penganut Islam.

Bilangan penganut agama Islam dan Kristian di daerah Ranau sukar dipastikan kerana tidak terdapat data yang jelas terutamanya dikalangan penduduk Kadazan/Dusun. Dikalangan penganut Islam terdapat masalah untuk mendapatkan bilangan yang sebenarnya kerana terdapat perkahwinan antara penduduk kumpulan Kadazan/Dusun dengan penduduk bukan kumpulan Kadazan/Dusun dan tambahan pula sejak akhir-akhir ini semakin ramai pendatang luar terutamanya daripada Indonesia dan Filipina yang bekerja di daerah Ranau, iaitu ramai diantara pendatang tersebut berurusan dengan pihak pejabat agama seperti urusan perkahwinan/nikah dan zakat yang menjadi salah satu sumber data untuk mengetahui jumlah penganut agama⁷. Masalah ini juga dihadapi oleh agama Kristian dimana pendatang Indonesia terutamanya etnik daripada Pulau Timor Indonesia kebanyakannya beragama Kristian dan berurusan dengan pihak gereja Kristian. Selain daripada itu, bilangan penganut agama Kristian sukar diperolehi kerana tidak terdapat penyelarasan antara beberapa aliran dalam agama tersebut iaitu setiap aliran agama Kristian seperti R.C, SIB dan lain-lain lagi beroperasi secara berasingan dan tiada badan induk yang menyatukan aliran-aliran tersebut. Namun begitu, menurut anggaran pilihanraya parlimen 1990, kawasan P138 Kinabalu⁸,

⁷-----

⁸ Menurut pegawai MUIS cawangan Ranau iaitu En. Lasim Tukang Data peratus bilangan penganut diperolehi daripada pejabat parti PBS (Parti Bersatu Sabah), pejabat Parlimen Ranau.

bilangan penganut Bumiputera Islam ialah 36.1%, Kadazan 48% dan Cina 3.07% (Jumlah keseluruhan pengundi ialah 20,968). Data tersebut menggabungkan penganut Islam sebagai Bumiputera Islam yang terdiri daripada kumpulan Kadazan/Dusun dan lain-lain etnik manakala Kadazan pula terdiri daripada penganut Kristian, kepercayaan tradisional dan lain-lain agama selain daripada agama Islam dan Budha/agama Cina. Berdasarkan kepada data tersebut bilangan penganut Islam dan Kristian dikalangan Kadazan/Dusun adalah agak seimbang.


KANASAN

2.6 LATARBELAKANG YANG DIPILIH

2.6.1 KAMPUNG LINGKUDOU

Nama Kampung Lingkudou berdasarkan kepada kepercayaan bahawa pada masa pembukaan kawasan ini pada sekitar tahun 1920an, tanah disini dipercayai memberi tuah kepada penduduk yang meneroka kawasan tersebut iaitu terdapat kawasan rata sesuai untuk penanaman padi sawah dan terdapat sumber air yang berdekatan iaitu Sungai Liwago. Perkataan Lingkudou berasal daripada perkataan Lingkubang yang bermaksud kawasan yang dapat menakung air. Asal penduduk kampung tersebut ialah berasal daripada Bundu Tuhan. Perpindahan mereka daripada Bundu Tuhan disebabkan oleh dorongan untuk mencari penghidupan baru tambahan pula kawasan Bundu Tuhan semakin sesak dengan penduduk. Oleh itu, penduduk Kampung Lingkudou terdiri daripada suku Bundu yang mana pada masa sekarang mereka lebih suka dipanggil bangsa Dusun.

Bilangan rumah di kampung ini berjumlah 60 buah rumah iaitu 42 buah rumah beragama Islam, 12 rumah beragama Kristian dan 6 buah rumah beragama Buddha/agama Cina mengikut agama yang dianuti oleh ketua rumah (ibubapa). Corak penempatan adalah penempatan berkelompok yang terbahagi kepada empat hamlet atau kawalaian, iaitu Lingkudou Baru atau Kibarambang, Lingkudou Lama/Lintuhun, Nagas dan Puru Puru. Nama hamlet ini dibezakan berdasarkan kepada keadaan persekitaran kediaman mereka misalnya Kibarambang terletak di kawasan yang lebih tinggi, Lintuhun di kawasan yang rendah manakala Nagas terletak di kawasan yang banyak batu dan Puru Puru pula rumah dibina ditempat yang dikelilingi oleh kawasan buah-buahan dan pokok kayu. Pada masa awal pembukaan kampung ini, penduduknya tinggal dalam satu hamlet sahaja tetapi akhirnya membentuk hamlet-hamlet yang baru selepas berpecah akibat beberapa keluarga dalam kelompok tersebut meneroka kawasan baru dan menetap di kawasan tersebut. Oleh itu, terbentuk hamlet-hamlet seperti yang disebutkan diatas. (Lihat peta lakar kasar 3).



PETA 3: Peta_Lakar_Kampung_Lingkudou

Sistem kekeluargaan kebanyakannya berbentuk Famili asas dan nuklear Famili iaitu terdiri daripada ibubapa dan anak-anak manakala nuklear famili terdiri daripada ibubapa, anak-anak dan datuk nenek. Namun begitu pada masa kini golongan tua lebih suka mendirikan rumah berasingan daripada anak-anak mereka. Pada masa dahulu kebanyakan rumah didirikan secara bercantum atau mieoput yang terdiri daripada beberapa buah rumah yang didiami oleh ahli keluarga yang telah

berkeluarga membina rumah berdekatan atau bercantum dengan rumah ibubapa mereka dan kaum keluarga yang lain. Rumah tersebut mungkin diperbesarkan atau dibina satu rumah disamping rumah asal dan akhirnya kelihatan seperti sebuah rumah yang kadangkala mempunyai dapur yang berasingan mengikut satu keluarga dan keluarga yang lain. Oleh itu adalah tidak menghairankan dikampung ini dimana terdapat rumah dua tingkat dan bercantum. Namun begitu penduduk kampung ini semakin berubah dimana pada masa kini jarak antara rumah lebih jauh daripada rumah yang lain walaupun rumah seperti yang disebutkan tersebut masih terdapat. Keadaan ini bersesuaian dengan pendapat G.N Appell (1968:133) bahawa orang Dusun yang tinggal di rumah panjang telah berubah bentuk kepada lebih individu akibat daripada pengenalan pertanian padi sawah.

Pekerjaan utama penduduk ialah kegiatan pertanian seperti penanaman padi sawah, padi bukit dan menanam sayur-sayuran yang kebanyakannya diusahakan secara sara diri. Pertanian padi bukit diusahakan dikawasan lain kerana ramai penduduk meneroka dan memiliki tanah dikawasan lain atau diluar kampung Lingkudou. Pada masa sekarang kegiatan pertanian diusahakan terutamanya oleh golongan tua, berkahwin atau dewasa dan dibantu oleh golongan muda-mudi yang tidak bekerja di sektor lain iaitu kebanyakan muda-mudi tidak lagi berminat untuk mengusahakan tanah dan hanya melibatkan diri dalam pertanian kerana terpaksa (tidak berhasil mendapatkan pekerjaan lain). Selain daripada itu

terdapat dikalangan penduduk yang bekerja dengan sektor kerajaan seperti guru, pegawai kerajaan dan di lombong tembaga mamut, dimana dikampung ini kira-kira 20 orang telah mencapai pendidikan tinggi seperti universiti dan maktab, namun begitu ramai dikalangan mereka telah berpindah ke kawasan lain kerana pertukaran kerja. Walaupun hampir semua golongan dewasa terutamanya golongan lelaki telah bekerja samada dalam sektor kerajaan atau swasta tetapi kegiatan pertanian masih tetap dijalankan terutamanya dikalangan kaum perempuan. Fenomena ini disebabkan oleh galakan Jabatan Pertanian daerah Ranau dengan memberikan bantuan subsidi wang, baja dan racun rumpai atau serangga kepada setiap tanah yang diusahakan. Justeru itu masalah tanah terbiar tidak ketara di kampung tersebut.

Kampung Lingkudou semakin maju dimana kemudahan infrastruktur seperti jalanraya (grovel), elektrik, talipon dan air tetapi agak lewat iaitu kemudahan-kemudahan tersebut hanya dikecapi oleh penduduk kampung pada tahun 1980an iaitu sebelum itu kampung ini terkebelakang dari segi pembangunan walaupun sebahagian kampung terletak dibawah pentadbiran Majlis Daerah Ranau. Kemudahan-kemudahan lain iaitu 2 buah balairaya, padang permainan dan sebuah tabika. Masalah kelambatan pembangunan dikampung tersebut disebabkan oleh diskriminasi parti politik iaitu dalam zaman pemerintahan

parti BERJAYA (Bersatu Rakyat Jelata Sabah) kampung tersebut menjadi kawasan pembangkang seterusnya menjadi kawasan hitam untuk pembangunan.

2.6.2 KAMPUNG TEGUDON LAMA

Menurut cerita penduduk kampung nama Tegudon adalah berpunca daripada kebiasaan penduduk yang suka beradu tenaga antara satu sama lain. Pada masa dahulu peraduan beradu tenaga tersebut telah diadakan dan diwarisi selama beberapa keturunan dan kini telah pupus akibat daripada perubahan masa dan kemajuan. Peraduan beradu tenaga ini diadakan pada setiap keramaian yang diadakan seperti moginakan⁹ yang diadakan selepas selesai menuai padi. Mereka akan berkumpul disatu tanah rata dimana sebatang kayu akan dipacakkan kedalam tanah dan setiap yang mengambil bahagian akan mencuba menekud¹⁰ kayu atau batang tersebut sehingga mencecah bumi, sesiapa yang dapat memenuhi syarat tersebut akan diiktiraf sebagai pemenang iaitu diberi pujian sebagai orang yang gagah dan penghormatan daripada penduduk kampung. Sehingga kini kampung tersebut kekal di panggil Kampung 'tekudon' atau Tegudon hasil daripada kekeliruan dan akhirnya menjadi kebiasaan.

Corak penempatan berbentuk penempatan berkelompok iaitu jarak antara setiap rumah ialah lebih kurang 20 kaki antara satu sama lain. Kedudukan kampung ini terletak dicerun bukit

⁹-----
¹⁰ Moginakan ialah seperti kenduri dalam bahasa Melayu

Menekud bermaksud tindakan untuk merebahkan/menjatuhkan atau membengkokkan sesuatu batang dengan menggunakan tangan. Tekudon pula bermaksud batang yang cuba direbahkan tersebut.

yang agak curam sehingga pengkaji kadangkala berhenti untuk melepaskan kepenatan disamping cuaca sejuk yang dipengaruhi oleh ketinggian tambahan pula berdekatan kaki Gunung Kinabalu. Bentuk rumah adalah seperti yang didapati pada kebanyakan rumah disekitar pekan Ranau. Bentuk rumah bertiang tinggi diperbuat daripada papan dan atap zink. Rumah yang diperbuat daripada buluh hampir tidak kelihatan di kampung ini, cuma terdapat 'sulap'¹¹ dan reban ayam yang diperbuat daripada buluh. Ini menunjukkan kampung tersebut telah menerima pembangunan dan perubahan. Kampung ini dibahagikan kepada dua hamlet iaitu hamlet atas atau sokid dan hamlet bawah atau siba yang dipisahkan oleh jalanraya (lihat peta lakar kasar 4).

Bilangan rumah di kampung tersebut ialah 42 buah rumah dan kesemuanya beragama Islam. Perhubungan antara penduduk di sini adalah erat dimana hubungan darah dan kesukuan telah mengikat perhubungan mereka iaitu tiada 'tulun-suai'.¹² Perkahwinan antara mereka hanya boleh dijalankan apabila tiada keraguan dan bantahan daripada golongan tua. Ini kerana golongan tua adalah golongan yang masih mengetahui adat tradisional serta lebih arif tentang hubungan darah antara mereka yang akan berkahwin. Dalam adat tradisional mereka mengalakkan perkahwinan diluar lingkungan zuriat

¹¹ Sulap ialah satu bentuk rumah atau pondok yang digunakan untuk menyimpan barang-barang, padi dan lain-lain lagi. Dikampung ini sulap digunakan untuk menyimpan padi dan tembakau.

¹² Tulun-suai bermaksud orang lain. Orang lain dalam penggunaan bahasa Kadazan/Dusun merujuk kepada panggilan bagi seseorang yang tidak mempunyai perkaitan dengannya.

mereka iaitu mengajak perkahwinan secara eksogam dan melarang endogami tetapi kadangkala golongan muda suka menggunakan cara Islam yang membenarkan perkahwinan antara sepupu.

Kampung ini telah dibekalkan dengan kemudahan infranstruktur seperti jalanraya (grovel), elektrik dan air disamping sebuah Tabika, sekolah rendah kebangsaan dan sekolah agama. Namun begitu kemudahan elektrik dan air hanya dinikmati oleh penduduk kampung selepas pertengahan tahun 1980an dan bekalan elektrik hanya beroperasi daripada pukul enam hingga 10 malam. Oleh itu mereka terpaksa menggunakan pelita atau lampu angin. Bekalan air juga tidak terjamin oleh itu mereka terpaksa bergantung kepada air telaga atau lorokong. Kampung ini dapat dihubungkan dengan pekan Kundasang dan Ranau sejauh 10 km dan 36 km.

Sebahagian penduduk dalam kampung tersebut telah berpindah ke kawasan yang berdekatan pekan Ranau yang dikenali sebagai Kampung Tegudon Baru. Oleh itu suku Tegudon telah berpecah kepada dua iaitu Tegudon Lama dan Tegudon Baru yang dipisahkan sejauh 39 km.

Penghijrahan ini adalah sama seperti yang dialami oleh penduduk kampung Lingkudou. Walaupun dipisahkan oleh jarak yang agak jauh tetapi hubungan antara mereka adalah erat iaitu saling berhubung antara satu sama lain.

Dialek yang ditutur oleh penduduk di sini adalah berbeza dengan dialek yang dituturkan oleh suku Bundu di Bundu Tuhan walaupun jarak antara kedua-dua kawasan tidak

melebihi lima kilometer. Mereka lebih suka memanggil bahasa mereka sebagai bahasa Dusun dan seterusnya sebagai bangsa Dusun. Mereka lebih suka berbahasa Dusun dengan sesiapa yang datang ketempat mereka, justeru itu adalah menjadi masalah kepada pengunjung terutamanya yang tidak tahu berbahasa Dusun. Walaupun mereka memahami bahasa Melayu dan mampu bertutur dalam bahasa tersebut tetapi mereka masih kuat memelihara dan mengamalkan bahasa mereka.

Kebanyakan penduduk bergiat dalam kegiatan pertanian terutamanya penanaman padi bukit, tembakau, sayur-sayuran dan setiap keluarga mempunyai binatang ternakan seperti ayam, kerbau, lembu dan kambing. Penanaman padi bukit dimulakan pada bulan Jun dan dituai pada bulan Mac, manakala penanaman tembakau ditanam di kawasan padi iaitu semasa menunggu padi masak sebagai hasil sampingan atau diusahakan secara giat dan besar-besaran. Pertanian padi bukit di sini adalah dijalankan secara kekal iaitu mereka akan mengusahakan satu kawasan untuk beberapa lama biasanya selama dua hingga empat tahun dan ditinggalkan beberapa tahun dan akan diusahakan kembali. Oleh itu mereka mengusahakan beberapa bidang tanah secara berselang seli. Penanaman tembakau adalah giat dijalankan kerana harga yang tinggi dan dikatakan tembakau yang mempunyai mutu terbaik di Sabah. Kawasan ini sesuai untuk penanaman sayur-sayuran tanah tinggi yang menjadi punca pendapatan kedua selepas tembakau.

Dari segi kepercayaan penduduk keseluruhannya menganut

agama Islam. Di sini terdapat sebuah Masjid yang dihadiri oleh jemaah daripada kampung Himbaan, Kg. Bundu Tuhan dan Kg. Gondohon. Penduduk kampung masih percaya kepada kepercayaan tradisional tetapi mereka lebih suka untuk melupakan atau memisahkan diri mereka daripada kepercayaan Tradisional. Lebih daripada separuh penduduk telah mempunyai pelajaran atau kenal huruf. Golongan muda keseluruhannya mempunyai pelajaran sekurang-kurangnya darjah enam dan terdapat juga yang mencapai tahap pengajian tinggi. Manakala golongan tua hampir keseluruhannya tidak tahu membaca dan menulis. Ini adalah disebabkan oleh faktor jarak daripada pekan Ranau atau sekolah terdekat, masalah pengangkutan dan masalah perbelanjaan kerana terdapat penduduknya yang hanya bertani secara sara diri.

2.6.3 - KG. HIMBAAN

Kampung ini terletak di antara kampung Tegudon lama dan Bundu Tuhan iaitu kampung ini jauhnya satu kilometer daripada Kg. Tegudon Lama dan satu setengah kilometer daripada Kg. Bundu Tuhan. Kampung ini didirikan di puncak bukit yang terdedah kepada angin kencang, oleh itu suhu di sini lebih sejuk pada waktu malam berbanding dengan Kg. Tegudon Lama dan Bundu Tuhan yang terlindung di cerun bukit.

Dalam bahasa Kadazan/Dusun, Himbaan bererti hutan tebal iaitu hutan dara atau primer yang ditumbuhi dengan pokok-pokok hutan Khatulistiwa yang tidak pernah diusik oleh manusia. Sejarah penerokaan dan pembentukan penempatan di kawasan ini bermula selepas beberapa orang daripada kawasan

Bundu Tuhan membuka hutan tebal di sini untuk dijadikan kawasan bercucuk tanam pada sekitar tahun 1940an. Pada tahap tersebut kawasan ini hanya sebagai tempat 'mindahu'¹³ iaitu penempatan belum didirikan. Namun begitu lama kelamaan secara beransur-ansur semakin ramai orang daripada Bundu Tuhan membuka kawasan ini dan akhirnya membentuk penempatan secara kekal, maka status kawasan ini telah bertukar daripada tempat mindahu kepada kawalaian. Pada tahun 1967 kawalaian di sini telah diiktiraf sebagai Kampung Himbaan yang diambil bersempena dengan keadaan asalnya iaitu kawasan hutan tebal atau Himbaan.

Sehingga hari ini, suku Bundu meliputi 90% mendiami kampung ini dan selebihnya daripada suku Tegudon. Secara keseluruhannya bilangan rumah di kampung ini ialah 63 buah rumah. Dari segi pembahagian kepercayaan, 49 buah rumah atau keluarga berugama Islam, 9 buah rumah beragama Kristian dan lima buah rumah masih mengamalkan kepercayaan tradisional yang berdasarkan kepada agama ketua keluarga atau kerana terdapat juga dikalangan anak-anak yang menganut agama yang berbeza dengan ibu bapa mereka (akan dibincangkan dalam bab 5).

Dari segi kemudahan infrstruktur, pekerjaan penduduk, kekeluargaan dan lain-lain lagi adalah sama dengan yang terdapat di kampung Tegudon Lama kerana kedua-dua kawasan berdekatan antara satu sama lain.

¹³ ----- Mindahu bermaksud pergi ketempat kerja yang merujuk kepada kawasan ladang.

→ Dari Bundu Tuhan

PERHATIAN
PETA TANPA SKIT

- Perumahan
- Surau/mesjid
- Padi/Pukit


- Tembatau
- Sayur-Sayuran
- Hutan/Potek buah-buahan

Peta_lakar_5_Kg._Himbaan


2.6.4_KG._BUNDU_TUHAN


Kawasan ini adalah penempatan terbesar bagi suku Bundu di daerah Ranau. Bundu Tuhan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu Sokid, Hamad, Siba atau Tawo Tawo dan Tanga. Namun begitu pengkaji menumpukan kepada bahagian Siba atau Tawo Tawo yang dibahagikan pula kepada dua hamlet iaitu hamlet Tawo Tawo I dan Tawo Tawo II. Pembahagian berdasarkan kepada pengelompokan penempatan dimana kawasan Tawo Tawo I lebih tinggi daripada kawasan penempatan Tawo Tawo II (lihat

peta lakar 6).



Peta Lakar 4. kg Tegudon Lamq





Peta Lakar 6 Kg. Bundu Tuhan

Menurut beberapa sumber daripada penduduk Bundu Tuhan, nama Bundu Tuhan adalah sempena daripada nama pokok iaitu Bundu atau Belunu dan seterusnya suku yang mendiami kawasan ini dipanggil suku Bundu menakala perkataan Tuhan bermaksud runtuh iaitu pada masa dahulu dikatakan bahawa pokok bundu telah runtuh bersama dengan tanah di situ dan seterusnya tempat ini dipanggil Bundu Tuhan. Tawo Tawo pula ialah sejenis tumbuhan yang banyak tumbuh di kawasan tersebut dan seterusnya kawasan penempatan di situ dipanggil Tawo Tawo.

Jumlah rumah yang terdapat di Kampung Tawo Tawo ialah

30 buah rumah iaitu 11 buah rumah di hamlet Tawo Tawo I manakala di Tawo Tawo II berjumlah 19 buah rumah. Tiada perbezaan yang jelas antara kedua-dua kawasan tetapi hanya dibezaan oleh kedudukan kawasan iaitu Tawo Tawo II lebih dekat dengan sungai.

Kepercayaan penduduk disini pada mulanya ialah kepercayaan kepada agama tradisional tetapi sekarang hampir kesemua penduduknya telah menganggap diri mereka menganut agama Kristian R.C. Namun begitu terdapat di kalangan orang tua-tua walaupun menganggap diri mereka beragama Kristian tetapi pada hakikatnya terdapat daripada mereka belum memeluk Kristian secara sah iaitu melalui pembaptisan¹⁴. Ini kerana biasanya hanya budak-budak yang lebih dahulu dibaptiskan dan keadaan ini adalah dipengaruhi oleh budaya disini dimana kanak-kanak didahulukan dan kemudian barulah orang tua atau dewasa. Daripada alasan tersebut terdapat golongan dewasa yang sengaja atau tidak sempat dibaptiskan. Tambahan pula kebanyakan orang dewasa agak sukar untuk menyesuaikan diri dengan ajaran Kristian yang kadangkala bertentangan dengan cara hidup tradisional.

Walaupun hampir kesemua penduduk beragama Kristian tetapi terdapat lapan orang daripada kampung tersebut telah memeluk Islam melalui perkahwinan dengan lelaki atau perempuan Islam iaitu tujuh orang perempuan di kampung ini telah memeluk Islam setelah berkahwin dengan lelaki Islam daripada kampung lain dan seorang lelaki memeluk Islam

¹⁴ Pembaptisan ialah upacara mandi atau membersihkan badan oleh paderi sebagai tanda pensucian dan masuk Kristian.

setelah berkahwin dengan perempuan Islam manakala dua orang perempuan yang telah berkahwin dengan lelaki Islam tetapi belum memeluk Islam atau masih dengan agama lama.

Kemudahan infrastruktur di kawasan ini lebih maju daripada jiran-jiran mereka seperti kampung Himbaan dan Tegudon Lama. Pembangunan di kawasan ini semakin pesat memandangkan penduduknya yang ramai. Kawasan tersebut dibekalkan dengan jalanraya berturap, air dan elektrik. Selain daripada itu terdapat sebuah dewan serbaguna, sebuah gereja dan rumah rehat untuk pelancong, sebuah masjid, sebuah sekolah rendah kebangsaan yang dulunya sekolah mission dan sebuah sekolah menengah sehingga tingkatan tiga.

2.6.7 PERKAITAN ANTARA KAWASAN YANG DIKILIH DAN DENGAN KAWASAN LAIN DI DAERAH RANAU

Secara keseluruhannya, kewujudan Kampung Lingkudou dan Kampung Himbaan mengalami proses yang sama iaitu diterokai oleh suku Bundu yang berasal daripada kawasan Bundu Tuhan. Kampung Tegudon Lama dan Bundu Tuhan adalah kawasan penempatan awal bagi suku Tegudon dan suku Bundu di daerah Ranau yang akhirnya terdapat di kalangan penduduk yang berpindah ke kawasan lain misalnya pada hari ini suku Tegudon boleh didapati di Kampung Tegudon Baru dan Lohan manakala suku Bundu boleh didapati di Kampung Kibbas, Kinaratuan, Napong dan Kokob dan beberapa kampung selain daripada Kampung Lingkudou dan Himbaan. Pendekata suku Bundu telah tersebar dan berselerak di seluruh kawasan Ranau dan menjadi suku yang terbesar di daerah Ranau.

Ketiga-tiga kawasan ini iaitu Kampung Tegudon Lama, Kampung Himbaan dan Bundu Tuhan adalah berjiran antara satu sama lain. Ketiga-tiga kawasan ini juga dihubungkan dengan hanya satu jalan perhubungan misalnya penduduk Tegudon Lama terpaksa melalui kawasan Kampung Himbaan dan Bundu Tuhan apabila menuju ke kawasan pekan Ranau, begitu juga dengan penduduk Kampung Himbaan akan melalui kawasan Bundu Tuhan. Oleh itu hubungan antara ketiga-tiga kawasan sentiasa wujud setiap hari.

Ketiga-tiga kawasan hanya dibezakan oleh perbezaan komposisi penduduk dari segi penganut agama dan dari segi pekerjaan penduduk yang bergantung kepada keadaan bentuk mukabumi. Terdapat perbezaan diantara ketiga-tiga kawasan dengan Kampung Lingkudou dimana Kampung Lingkudou terletak berdekatan dengan pekan Ranau manakala ketiga-tiga kawasan terletak di luar kawasan pekan Ranau. Oleh itu terdapat perbezaan dari segi pergaulan dengan orang luar dan penerimaan pengaruh bandar dimana penduduk Kampung Lingkudou lebih kerap dan cepat terdedah kepada unsur-unsur luar. Disamping itu penduduk Kampung Lingkudou menjalankan kegiatan penanaman padi sawah manakala ketiga-tiga kawasan menjalankan kegiatan penanaman padi bukit.